

Profil Jawatan Kosong

Agensi : **Pejabat Majlis Islam Sarawak**
Nombor Rujukan : IIC/03A/2026
Tarikh Iklan Dibuka : 11 Jun 2026
Tarikh Tutup Iklan : 24 Jun 2026
Jawatan : **Pegawai C**
Taraf Jawatan : Tetap
Kekosongan : 1
Stesen : Pusat Penerangan Islam – Majlis Islam Sarawak
Jadual Gaji : Gaji Minimum: RM1,872.00



Sila Imbas

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah **anak kelahiran Sarawak** atau **warganegara Malaysia yang berdomisil di Sarawak** atau yang **bermastautin secara tetap di Sarawak** yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan, berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Beragama Islam;
- b) (i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(iii) Diploma dalam bidang Seni Lukis, Seni Reka, Seni Halus, Seni Bina, Sains, Permuziuman, Teknologi maklumat atau dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Mempunyai pengalaman dalam pengurusan dan pemuliharaan manuskrip adalah satu kelebihan.

Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan.

Cara Memohon:

Calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS)** beserta **Resume** (mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja), **sesalinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 24 Jun 2026 (Rabu)** kepada:

**SETIAUSAHA MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, PEJABAT MAJLIS ISLAM SARAWAK
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK (u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

